

WAKTU AIR PASANG BESAR DI JOHOR BAHRU

Tarikh	Masa Pasang Besar	Ketinggian Air Laut
24 November	9.49 pagi-10.38 malam	3.5m
25 November	10.33 pagi-11.27 malam	3.6m-3.7m
26 November	11.15 pagi	3.7m
27 November	12.15 malam-11.56 pagi	3.7m-3.7m
28 November	1.02 malam-12.37 pagi	3.7m
29 November	1.49 malam-1.15 petang	3.6m
30 November	2.36 malam-1.53 petang	3.5m

Waspada ketika air pasang besar

Johor Bahru: Penduduk di kawasan rendah berhampiran pantai atau sungai di bandar raya ini diberi amaran supaya bersedia menghadapi fenomena air pasang besar yang mampu mencapai ketinggian sehingga 3.7 meter dijangka berlaku di Selat Tebrau, 24 November hingga 30 November ini.

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) menerusi kenyataan di dalam laman webnya memaklumkan keadaan itu mampu mengundang banjir sekiranya hujan lebat berterusan.

"Kami memohon kerjasama orang ramai dan penduduk yang berada di kawasan berkenaan supaya lebih bersedia dan berwaspada sepanjang tempoh fenomena air pasang besar.

"Maklumat lanjut boleh diperolehi di laman web mbjb.gov.my," katanya.

Isnin lalu, hujan lebat melanda selama sejam menyebabkan beberapa jalan utama ditenggelami air terutama di sekitar pusat bandar seperti di Jalan Wong Ah Fook.

Ia ditenggelami air sedalam 1.5 meter menyebabkan berpuluh kenderaan terperangkap. Banjir kilat itu dipercayai berpunca daripada hujan lebat luar biasa dan fenomena air pasang.



PIAH Arshad, 48, bersama anaknya Wardina Sumaiyah, 8, meredah banjir di sekitar rumahnya.

